

NO. SOALAN: 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM
[KUBANG PASU]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7182

SOALAN:

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai mewartakan penyalahgunaan daun ketum di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Sekiranya ia telah diwartakan nyatakan jumlah tangkapan dan pencegahan telah dibuat oleh KDN dan berapakah bilangan mereka yang terlibat dan apakah denda/hukuman yang telah dikenakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Kesalahan berkaitan daun ketum ketika ini diambil tindakan di bawah Akta Racun 1952 dan hasil daripada perbincangan antara Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Kesihatan telah bersetuju agar daun ketum ini dimasukkan di bawah Jadual Pertama, Akta Dadah Berbahaya 1952.

Bagi melaksanakan langkah jangka pendek, YB Menteri Kesihatan telah menandatangani warta bagi meminda Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 pada 19 Ogos 2014 dan warta tersebut telah dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara untuk tujuan perwartaan.

Pihak Jabatan Peguam Negara memutuskan agar cadangan meminda Jadual Pertama dan beberapa peruntukan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dibuat secara serentak dan dibentang di Parlimen.

Ketika ini tindakan ke atas aktiviti penyalahgunaan ketum termasuk mengimport, mengeksport, menjual, memproses dan lain-lain berkaitan bahan tersebut, pihak Polis masih mengambil tindakan di bawah Sek. 30(3) Akta Racun 1952. Di bawah seksyen ini, jika disabitkan kesalahan seseorang itu boleh

dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 4 tahun atau kedua-duanya sekali.

Statistik tangkapan dan rampasan mengikut tahun yang melibatkan kesalahan daun ketum seperti berikut:-

- i) Pada tahun 2011 sejumlah 1,224 orang telah di tangkap melibatkan rampasan seberat 2881 kilogram daun ketum dan 89,967 liter cecair daun ketum.**
- ii) Pada tahun 2012 sejumlah 1,445 orang telah ditangkap melibatkan rampasan seberat 5,218 kilogram daun ketum dan 34,719 liter cecair daun ketum.**
- iii) Pada tahun 2013 sejumlah 1,708 orang telah ditangkap melibatkan rampasan seberat 7,866 kilogram daun ketum dan 36,865 liter cecair daun ketum.**
- iv) Pada tahun 2014 (Januari - Ogos) sejumlah 1,698 orang telah ditangkap melibatkan rampasan seberat 8,130 kilogram daun ketum dan 38,975 liter cecair daun ketum.**

Semakan oleh PDRM mendapati tiada pesalah yang dijatuhkan hukuman penjara atas kesalahan berkaitan daun ketum dan hanya dikenakan denda bernilai di antara RM1,000.00 hingga RM3,000.00 oleh Mahkamah.